



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Dunia Sejahtera

Nilai Teras: Hormat-menghormati

Konteks: Dunia

Masa: 1 jam

SK: 4.5 Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

SP: 4.5.2 Menghuraikan kepentingan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa bagi keamanan dan keharmonian sesebuah negara

Literasi Sivik

Pengetahuan:

Menghuraikan kepentingan menghormati peraturan dan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan dunia

Sosioemosi:

Mengekspresikan perasaan bersyukur dapat menikmati kehidupan dalam dunia yang sejahtera

Tindakan:

Mematuhi peraturan dan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan dunia

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dipilih secara rawak seramai empat orang untuk memainkan peranan tentang konflik undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
2. Murid diberi masa untuk berlatih.
3. Murid membuat persembahan.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Kumpulan yang sama dikehendaki melukis poster berkaitan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
2. Bahan-bahan dibekalkan oleh guru.
3. Hasil yang paling menarik dinobatkan sebagai pemenang dan dilekatkan di papan kenyataan.



Poster kanak-kanak yang menjadi mangsa peperangan

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Kumpulan yang sama diarahkan untuk membina sajak keamanan dunia.
2. Mana-mana sajak yang dipilih oleh guru akan dibacakan oleh murid yang menulis sajak tersebut.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)